

# Mangsa bah di Johor meningkat



Anggota Angkatan Pertahanan Awam dan bomba memindahkan penduduk terjejas banjir di Kampung Parit Pechah, Muar. (Foto ihsan APM)

## 731 penduduk ditempatkan di 11 pusat pemindahan tiga daerah

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Mangsa banjir di negeri ini bertambah secara mendadak kepada 731 orang dengan 11 pusat pemindahan sementara (PPS) masih dibuka di tiga daerah.

Ia berbanding 614 mangsa banjir dengan 10 PPS dibuka mengikut laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dikeluarkan jam 8 pagi semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, R Vidyantathan, berkata pertambahan itu berikutan hujan lebat sejak awal pagi hingga jam 2 petang semalam.

Katanya, tiga daerah yang terjejas iaitu Muar, Batu Pahat dan Pontian mencatatkan peningkatan mangsa banjir.

"Di Muar, mangsa ban-

dir bertambah kepada 315 orang daripada 85 keluarga berbanding 229 orang daripada 64 keluarga dengan pertambahan satu lagi PPS kepada lima.

"Batu Pahat dan Pontian masing-masing mencatatkan pertambahan kepada 205 dan 210 mangsa berbanding 183 dan 202 orang pagi tadi (semalam). Dua daerah itu bagaimanapun kekal dengan tiga PPS," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kerajaan negeri mengambil langkah berjaga-jaga berikutan hujan lebat di kebanyakan daerah, sekali gus meningkatkan kemungkinan banjir di kawasan rendah.

Vidyantathan berkata,

**Tiga daerah terjejas iaitu Muar, Batu Pahat dan Pontian mencatatkan peningkatan mangsa banjir.**

R Vidyantathan,  
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri

pemantauan ditingkatkan selepas Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan hujan lebat dan ribut petir di tujuh daerah membabitkan Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kota Tinggi, Kluang, Batu Pahat dan Muar, semalam.

Di Pontian pula beberapa kawasan di sini termasuk Parit Kudus, Parit Masjid dan Parit Selangor banjir selepas hujan lebat sejak jam 5 pagi semalam.

Parit besar di sepanjang laluan kampung berkenaan tidak dapat menampung hujan, menyebabkan air melimpah dan membanjiri laluan utama Jalan Parit Semerah-Parit Kudus sehingga paras pinggang dan tidak dapat dilalui kenderaan ringan.

Kediaman dan kedai bersebelahan parit utama dinaiki air menyebabkan ramai tidak sempat menyelamatkan barangan.

Penduduk Parit Kudus, Ahmad Pawiro, 66, berada di masjid menunaikan solat Subuh sebelum dihubungi anaknya yang memaklumkan kedai dan rumah mereka dimasuki air.

"Ini kali ketiga banjir kilat melanda bulan ini dan paling teruk," katanya semalam.

Siap dengan CCC

Hak Milik Kekal  
Sedia Dikunjungi

TAMAN  
Paya Rumpit  
Utama


• CHENG, MELAKA •




40' x 80'  
Rumah Berkembar 2 Tingkat

Rumah Teres 2 Tingkat 22'24' x 70'

Rumah Berkembar 1 Tingkat 40' x 80'



PELAN LOKASI



Bumiputera Sahaja



06-334 5555

www.teobros.com

Pemaju: HARTAMAS INDAH SDN. BHD. (1547074)  
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.  
Lot 61 & 68, Jalan KES MW 3, Kawasan Perindustrian  
Muar Jaya, 75250 Muar, Malaysia. Fax: 06-335 0551

## Sistem penggiliran jejas peniaga

**Shah Alam:** Peniaga pasar malam minta kerajaan membenarkan mereka berniaga tanpa mengikut nombor penggiliran genap atau ganjil.

Tinjauan di pasar malam Seksyen 18, petang semalam mendapati suasana agak lenggang tempoh dua jam pertama, malah ada gerai tidak dikunjungi pelanggan.

Kebanyakan peniaga berpendapat, salah satu cara menarik ramai pelanggan dengan membenarkan semua peniaga beroperasi, namun masih mengekalkan SOP sedia ada.

Peniaga ikan, Arif Omar, 28, bersyukur diberikan peluang berniaga di pasar malam itu selepas tiga bulan hilang pendapatan.

Namun, katanya penggiliran berniaga dua minggu sekali menyukar-

kan peniaga barangan basah sepertinya.

"Di pasar malam ini ada tiga peniaga ikan, tetapi hari ini (semalam) hanya saya berniaga, namun kurang sambutan. Sepatutnya, bagi peluang kepada semua berniaga. Saya yakin dengan cara ini dapat menarik pelanggan."

"Peniaga dan pelanggan tetap mematuhi SOP. Oleh itu, harap dipertimbangkan semua berpeluang berniaga setiap minggu seperti biasa," katanya.

Sementara itu, peniaga ayam, Zailan Jamali, 45, risau jika jualan tidak habis kerana kurang sambutan pelanggan.

"Dalam sejam, hanya tiga ayam terjual. Ini kali pertama berniaga selepas tiga bulan, jadi saya tidak dapat jangka sama ada jualan habis atau tidak."

"Saya yakin peniaga atau pelanggan faham

SOP dan berdisiplin. Oleh itu, tiada masalah jika ramai yang berniaga," katanya.

Peniaga makanan, So-dah Din, 59, yang sudah 30 tahun berniaga laksa, bihun sup serta rojak buah turut bersetuju tidak perlu sistem giliran seperti sekarang.

Pada 12 Jun lalu, Selangor membenarkan perniagaan pasar pagi, pasar malam dan bazaria secara berperingkat di lokasi terpilih bermula 15 Jun.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, berkata keputusan itu dibuat selaras pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 7 Jun lalu berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).